

## **Kerajaan NS mohon kurang jumlah rumah PR1MA**

**Free Malaysia Today**

**3 April 2014**

**Oleh Zefry Dahalan**

Kita minta ianya dikurangkan kepada 3, 000 unit agar bersesuaian dengan keluasan tapak perumahan tersebut.

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan memohon kepada Perbadanan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); agar dapat mengurangkan jumlah unit kediaman daripada 5, 000 unit kepada 3, 000 unit rumah kediaman PR1MA yang bakal dibina di Seremban Sentral.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata permohonan mengurangkan jumlah unit kediaman PR1MA itu setelah mengambil kira faktor kesejahteraan masyarakat di kawasan perumahan tersebut apabila projek itu siap kelak.

“Jumlah asal kediaman PR1MA ini 5, 000 unit. Kita minta ianya dikurangkan kepada 3, 000 unit agar bersesuaian dengan keluasan tapak perumahan tersebut.

“Kita memohon agar perancangan jumlah unit kediaman itu tidak banyak jika dibandingkan dengan keluasan tapak perumahan itu yang kecil.

“Perkara ini harus diteliti kerana kita tidak mahu projek PR1MA ini apabila siap dibina, ianya menjadi satu kawasan yang amat sesak apabila ditambah dengan faktor keadaan trafik di Seremban.

“Walaupun projek PR1MA membantu golongan berpendapatan pertengahan untuk memiliki rumah sendiri, tetapi aspek penyuraian trafik dan perancangan dari segi jalanraya harus diambil kira.

“Kita tidak mahu apabila membina rumah ianya mencipta masalah kesesakan di kawasan tersebut.

“Sebaliknya kita perlu bina tempat tinggal yang kondusif agar rakyat boleh tinggal dalam suasana tenang.

“Jangan bermegah dengan membina bangunan pencakar langit tanpa memikirkan masalah lain di kemudian hari,” katanya.

Mohamad berkata pembinaan projek perumahan PR1MA tidak menjadi persoalan tetapi bagaimana kita mahu kendalikannya apabila siap nanti.

“Kerja seorang arkitek hanya membina rumah sahaja tetapi tidak memikirkan masalah lain yang bakal timbul.

“Atas sebab itu kerajaan negeri perlu fikirkan untuk mengelakkan kesesakan,” kata Mohamad.

Pada Februari tahun lepas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan projek PR1MA Seremban Sentral yang terletak di kawasan belakang stesen KTM Komuter Seremban, dengan keluasan lebih kurang 73 ekar.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/03/kerajaan-ns-mohon-kurang-jumlah-rumah-pr1ma/>